

**TEKS UCAPAN
YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM
PERSIDANGAN PEGAWAI KANAN (SOC) JKR MALAYSIA
TAHUN 2023
11 JULAI 2023 (SELASA), JAM 8.00 MALAM
GRAND BALLROOM, COURTYARD by MARRIOT MELAKA**

Terima kasih
YBhg Saudara / Saudari Pengacara Majlis;

YAB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh
Ketua Menteri Melaka

YB Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad
Timbalan Menteri Kerja Raya

YB Datuk Wira Zaidi bin Johari
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

YB Datuk Hameed bin Mytheen Kunju Basheer
Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan Negeri Melaka

YBhg. Datuk Seri Hasnol Zam-Zam bin Hj. Ahmad
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Datuk Ir. Ahmad Redza bin Ghulam Rasool
Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Datuk Ir. Ismail bin Abd Rahman
Pengarah Jabatan Kerja Raya Melaka

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya

Pengarah-Pengarah Kanan Cawangan

Pengarah-Pengarah JKR Negeri & Cawangan

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI;

**UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA YAB KETUA
MENTERI MELAKA**

1. Pertamanya, saya amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama berkumpul di Grand Ballroom, Courtyard by Marriot, Melaka yang cukup indah dan selesa pada malam ini.
2. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini mewakili Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, khususnya YAB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka atas kesudian meluangkan masa serta menaja Majlis Makan Malam sempena Persidangan Pegawai Kanan (SOC) JKR Malaysia Tahun 2023 pada malam ini. Sesungguhnya kami amat terharu dan berbesar hati dengan penghormatan yang diberikan ini. Terima kasih YAB Datuk Seri.
3. Untuk makluman YAB Datuk Seri, Datuk-Datuk dan hadirin sekalian, Persidangan Pegawai Kanan JKR Malaysia Tahun 2023 ini akan berlangsung selama tiga hari iaitu bermula pada hari ini, 11 Julai sehingga 13 Julai 2023. Persidangan ini berjaya dilaksanakan berkat kerjasama dan komitmen daripada semua pihak dengan kehadiran 420 orang peserta yang terdiri daripada Pengarah Cawangan dan Negeri, Jurutera Daerah serta pegawai-pegawai Kanan JKR dari seluruh negara.

PERSIDANGAN PEGAWAI KANAN JKR MALAYSIA TAHUN 2023

YAB Datuk Seri, Dato Sri-Dato Sri, Datuk-Datuk dan hadirin yang dihormati sekalian,

4. Untuk makluman, JKR Melaka telah dipilih sebagai tuan rumah dalam penganjuran Persidangan Pegawai Kanan (SOC) JKR Malaysia bagi Tahun 2023. SOC merupakan program tahunan JKR yang diadakan di setiap negeri mengikut giliran. Syabas kepada semua pihak yang terlibat.

5. ‘**Memacu Pembangunan Negara MADANI**’ adalah tema Persidangan Pegawai Kanan (SOC) JKR Malaysia yang dipilih pada tahun ini. Ia sememangnya seiring dengan hasrat Kerajaan untuk membentuk negara Malaysia yang progresif, mampan dan makmur demi kesejahteraan rakyat.

6. Pelbagai pengisian telah disusun sepanjang berlangsungnya persidangan ini, antaranya pembentangan kertas kerja, sesi wacana intelektual dan pameran industri. Selain itu, kita turut menjalankan kolaborasi strategik bersama institusi pengajian tinggi dan penggiat industri melalui Dokumen Projek Kerjasama dan Memorandum Persefahaman (MOU).

7. Semoga segala ilmu pengetahuan, pengalaman dan kepakaran yang dikongsi bersama memberi manfaat dan kebaikan kepada kita semua. Meskipun kita tidak mampu untuk mengubah masa silam kita, namun, kita masih ada peluang untuk mengubah masa hadapan. Oleh itu, ambillah peluang di persidangan ini untuk berdiskusi mengenai hala tuju JKR khususnya dalam mengukuhkan kualiti penyampaian perkhidmatan demi kebaikan jabatan dan rakyat.

YAB Datuk Seri, Dato Sri-Dato Sri, Datuk-Datuk dan hadirin yang dihormati sekalian,

PERANAN JKR DALAM PEMBANGUNAN NEGARA DAN NEGERI MELAKA KHUSUSNYA

8. Kementerian Kerja Raya dan agensi dibawahnya sentiasa komited dan bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Melaka di bawah kepimpinan YAB Ketua Menteri Melaka dalam mencorak landskap pembangunan negeri Melaka.

9. Saya difahamkan pihak Kerajaan Negeri telah meminta JKR Negeri Melaka mengkaji keperluan penyuraian trafik di beberapa lokasi di negeri Melaka dan inisiatif ‘No Right Turn’. Kementerian Kerja Raya akan cuba memperhalusi dan mencari solusi yang terbaik dalam menangani perkara ini.

10. Selain itu, Kementerian Kerja Raya sentiasa cakna dan prihatin akan usaha-usaha penaiktarafan dan pemodenan infrastruktur awam yang diambil oleh Kerajaan Negeri Melaka, sepetimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka sebentar tadi, antaranya;

- i. Program Menaiktaraf Lampu Isyarat Sedia ada Kepada Smart Traffic Light;
- ii. Naiktaraf Gentry Papan Tanda Laluan Lebuh AMJ dan Jalan Ayer Keroh Hingga Peringgit;
- iii. Kerja-Kerja Mengecat *Railing* Jejantas Di Sepanjang Lebuh AMJ dan Jalan Dari Ayer Keroh hingga Peringgit; dan
- iv. Kerja-Kerja Mengecat Semula *Roadline* Yang Telah Pudar Sepanjang Lebuh AMJ Dan Jalan Dari Ayer Keroh Hingga Peringgit, Melaka;

11. Terima kasih kepada YAB Datuk Seri Ketua Menteri atas usaha dan komitmen tinggi Kerajaan Negeri dalam penyediaan prasarana awam di negeri Melaka demi kepentingan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

PENUTUP

12. Akhir kata, sekali lagi saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka di atas penganjuran majlis jamuan makan malam sempena Persidangan Pegawai Kanan (SOC) JKR Malaysia Tahun 2023. Moga hubungan baik dan kerjasama antara Kementerian Kerja Raya dan Kerajaan Negeri dapat dipertingkatkan lagi pada masa-masa akan datang. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, ingin saya menyampaikan dua (2) rangkap pantun:

*Anak helang anak kedidi
Terbang seiring jadi dambaan
Terima kasih sekalung budi
Kami ucapkan tanda penghargaan*

*Cenderawasih terbang berkawan
Hinggap lama di ranting berduri
Terima kasih kepadamu tuan
Atas kesudian menerima kami*

Sekian, terima kasih.